JUZU' KE-30

SURAH AL-MURSALAT

SURAH KE **77**

سُورَةُ المُرۡسَلَاتِ

SURAH AL-MURSALAT

Surah Malaikat Utusan

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **50**

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَٱلۡمُرۡسَلَٰتِ عُرۡفٗا ١ فَٱلۡعَٰصِفَٰتِ عَصۡفٗا ٢

وَٱلنَّٰشِرَٰتِ نَشۡرٗا ٣ فَٱلۡفَٰرِقَٰتِ فَرۡقٗا ٤

فَٱلۡمُلۡقِيَٰتِ ذِكۡرًا ٥

"Demi yang diutus berturut-turut(1). Dan demi yang terbang sekencang-kencangnya(2). Dan demi yang menyebarkan angin seluas-luasnya(3). Dan demi yang mengagihkan segala sesuatu dengan sempurna(4). Dan demi yang mencampakkan peringatan (wahyu kepada para rasul)."(5).

عُذۡرًا أَوۡ نُذۡرًا ٦ إِنَّمَا تُوعَدُونَ لَوَٰقِعٞ ٧

فَإِذَا ٱلنُّجُومُ طُمِسَتۡ ٨

وَإِذَا ٱلسَّمَآءُ فُرِجَتۡ ٩ وَإِذَا ٱلۡجِبَالُ نُسِفَتۡ ١٠

"Untuk menolak dalihan manusia atau untuk memberi amaran kepada mereka(6). Sesungguh-nya segala yang dijanjikan kepada kamu pasti akan berlaku(7). Apabila bintang-bintang telah dihapuskan(8). Dan apabila langit telah dipecahkan(9). Dan apabila gunung-ganang telah dihancurleburkan."(10).

وَإِذَا ٱلرُّسُلُ أُقِّتَتۡ ١١ لِأَيِّ يَوۡمٍ أُجِّلَتۡ ١٢

لِيَوۡمِ ٱلۡفَصۡلِ ١٣ وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا يَوۡمُ ٱلۡفَصۡلِ ١٤

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ١٥

"Dan apabila para rasul telah ditentukan waktu (kehadirannya)(11). Untuk hari apakah rasul-rasul itu ditangguhkan?(12). Untuk Hari Pengadilan(13). Tahukah engkau apakah Hari Pengadilan itu?(14). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(15).

أَلَمۡ نُهۡلِكِ ٱلۡأَوَّلِينَ ١٦ ثُمَّ نُتۡبِعُهُمُ ٱلۡأٓخِرِينَ ١٧

كَذَٰلِكَ نَفۡعَلُ بِٱلۡمُجۡرِمِينَ ١٨

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ١٩

أَلَمۡ نَخۡلُقكُّم مِّن مَّآءٖ مَّهِينٖ ٢٠

"Bukankah Kami telah membinasakan umat purba-kala?(16). Kemudian Kami iringkan mereka dengan umat-umat yang kemudian(17). Demikianlah Kami bertindak terhadap orang-orang yang berdosa(18). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta(19). Bukankah Kami ciptakan kamu dari air mani yang hina?"(20).

فَجَعَلۡنَٰهُ فِي قَرَارٖ مَّكِينٍ ٢١ إِلَىٰ قَدَرٖ مَّعۡلُومٖ ٢٢

فَقَدَرۡنَا فَنِعۡمَ ٱلۡقَٰدِرُونَ ٢٣

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ٢٤

أَلَمۡ نَجۡعَلِ ٱلۡأَرۡضَ كِفَاتًا ٢٥

"Kemudian Kami letakkannya di tempat yang kukuh (rahim)(21). Hingga sampai kepada waktu yang tertentu(22). Lalu Kami tentukan perencanaan ke atasnya dan Kamilah Sebaik-baik Perencana(23). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta(24). Bukankah Kami jadikan bumi sebagai wadah yang mengumpulkan?"(25).

أَحۡيَآءٗ وَأَمۡوَٰتٗا ٢٦

وَجَعَلۡنَا فِيهَا رَوَٰسِيَ شَٰمِخَٰتٖ وَأَسۡقَيۡنَٰكُم مَّآءٗ فُرَاتٗا ٢٧

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ٢٨

ٱنطَلِقُوٓاْ إِلَىٰ مَا كُنتُم بِهِۦ تُكَذِّبُونَ ٢٩

ٱنطَلِقُوٓاْ إِلَىٰ ظِلّٖ ذِي ثَلَٰثِ شُعَبٖ ٣٠

"Orang-orang yang hidup dan orang-orang yang mati(26). Dan Kami jadikan padanya gunung-ganang yang tinggi dan Kami berikan kamu minuman air yang tawar?(27). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta(28). Pergilah kamu menerima 'azab yang dahulunya telah didustakan kamu(29). Pergilah kamu berteduh di bawah bayangan asap Neraka yang bercabang tiga."(30).

لَّا ظَلِيلٖ وَلَا يُغۡنِي مِنَ ٱللَّهَبِ ٣١

إِنَّهَا تَرۡمِي بِشَرَرٖ كَٱلۡقَصۡرِ ٣٢

كَأَنَّهُۥ جِمَٰلَتٌ صُفْرٌ ﴿٣٣﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٣٤﴾

هَٰذَا يَوْمُ لَا يَنطِقُونَ ﴿٣٥﴾

"Yang tidak meneduhkan mereka dan tidak pula menahankan mereka dari julangan api Neraka(31). Sesungguhnya Neraka itu melontarkan bunga-bunga api sebesar istana(32). Ia kelihatan seolah-olah unta-unta kuning tua(33). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta(34). Inilah hari mereka tidak dapat bercakap."(35).

وَلَا يُؤْذَنُ لَهُمْ فَيَعْتَذِرُونَ ﴿٣٦﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٣٧﴾

هَٰذَا يَوْمُ ٱلْفَصْلِ جَمَعْنَٰكُمْ وَٱلْأَوَّلِينَ ﴿٣٨﴾

فَإِن كَانَ لَكُمْ كَيْدٌ فَكِيدُونِ ﴿٣٩﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٠﴾

"Dan mereka tidak diizinkan bercakap dan tidak dapat memohon maaf(36). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta(37). Inilah hari pengadilan, Kami himpunkan kamu sekalian bersama-sama umat-umat manusia yang dahulu kala(38). Jika kamu mempunyai tipu helah, maka lakukanlah tipu helah itu terhadap-Ku(39). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(40).

إِنَّ ٱلْمُتَّقِينَ فِى ظِلَٰلٍ وَعُيُونٍ ﴿٤١﴾

وَفَوَٰكِهَ مِمَّا يَشْتَهُونَ ﴿٤٢﴾

كُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ هَنِيٓـًٔا بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾

إِنَّا كَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٤٤﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٥﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa itu bersenang-lenang di bawah bayangan pokok yang teduh (berhampiran) matair-matair(41). Dan meni'mati berbagai-bagai buah-buahan yang diidami mereka(42). Makan dan minumlah seenak-enaknya kerana amalan-amalan yang telah kamu lakukan(43). Sesungguhnya begitulah Kami memberi balasan kepada para Muhsinin(44). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(45).

كُلُوا۟ وَتَمَتَّعُوا۟ قَلِيلًا إِنَّكُم مُّجْرِمُونَ ﴿٤٦﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٧﴾

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱرْكَعُوا۟ لَا يَرْكَعُونَ ﴿٤٨﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٩﴾

فَبِأَىِّ حَدِيثٍۭ بَعْدَهُۥ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٠﴾

"(Wahai orang-orang kafir!) Makanlah dan ni'matilah kesenangan dunia yang sebentar, sesungguhnya kamu adalah orang-orang yang berdosa(46). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta(47). Dan jika mereka disuruh ruku', mereka tidak ruku'(48). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta(49). Dengan penjelasan yang mana lagi sesudah penjelasan Al-Qur'an mereka hendak beriman?"(50).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini mengandungi tikaman-tikaman yang tajam, pemandangan-pemandangan yang dahsyat dan nada-nada kenyataan yang keras, seolah-olah sebatan cemeti api. Ia meletakkan hati manusia di kandang mahkamah yang hebat, menghadapi berbagai-bagai pertanyaan, kecaman dan ancaman-ancaman yang menembusinya seperti anak-anak panah yang tajam.

Hakikat Alam, Jiwa Dan 'Azab Di Akhirat

Al-Qur'an menayangkan pemandangan-pemandangan dunia dan Akhirat, mengemukakan hakikat-hakikat alam dan jiwa, juga pemandangan-pemandangan 'azab seksa yang dahsyat. Selepas menayangkan setiap pemandangan itu, Al-Qur'an iringi dengan kutukan yang menyelarkan setiap hati yang berdosa seolah-olah selaran api: **"Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."** Selaran ini berulang-ulang sebanyak sepuluh kali di sepanjang surah. Selaran-selaran itu amat sesuai dengan bentuk surah ini yang mengandungi kenyataan-kenyataan yang tajam, pemandangan-pemandangan yang hebat dan pukulan-pukulan yang keras itu.

Selaran tetap yang berulang-ulang itu mengingatkan kita dengan pertanyaan tetap yang berulang-ulang di dalam Surah ar-Rahman selepas menyebut setiap ni'mat-Nya kepada manusia iaitu:

فَبِأَىِّ ءَالَآءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٢٥﴾

"Manakah satu ni'mat dari ni'mat-ni'mat Tuhan kamu yang kamu hendak dustakannya?"

(Surah ar-Rahman: 25)

Begitulah juga ia mengingatkan kita dengan pertanyaan-pertanyaan tetap yang berulang-ulang dalam Surah al-Qamar selepas menerangkan setiap babak dari babak-babak 'azab:

فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِى وَنُذُرِ ﴿١٦﴾

"Maka bagaimana dengan 'azab-Ku dan amaran-Ku?"

(Surah al-Qamar: 16)

Ulangan-ulangan itu memberikan satu sifat yang khusus dan tajam kepada surah itu.

Struktur Seni Surah Ini

Semua bahagian dan ceraian surah ini pendek-pendek, cepat dan keras dan berakhir dengan kata-kata bersajak dalam berbagai-bagai bentuk. Setiap bahagian dengan kata bersajaknya yang tertentu. Kemudian rangkaian ayat-ayat itu kadang-kadang kembali kepada setengah-setengah kata bersajak yang berulang-ulang kali. Bahagian-bahagian, ceraian-ceraian dan kata-kata akhiran yang bersajak itu diterima oleh hati dengan gigitan dan kekerasannya masing-masing, satu lepas satu. Habis satu nada datang pula nada yang, lain dengan rentak kekuatan dan kekerasan yang sama. Ia memberi pukulan yang keras kepada hati, pukulan yang bertubi-tubi, satu lepas satu.

Fungsi-fungsi Malaikat Dan Angin

Dari permulaannya lagi surah ini diselubungi suasana kencang dan hiruk-pikuk dengan pemandangan-pemandangan angin-angin atau malaikat-malaikat yang dikirimkan atau diutuskan berturut-turut, angin-angin atau malaikat-malaikat yang berhembus atau terbang laju, angin-angin atau malaikat-malaikat yang menabur atau menyebar dengan penyebaran yang sempurna, angin-angin atau malaikat-malaikat yang mengagihkan segala sesuatu dengan pengagihan yang sempurna, angin-angin atau malaikat yang melontar atau mencampak peringatan untuk menolak dalihan manusia atau untuk memberi amaran kepada mereka. Ini adalah satu pembukaan yang amat sesuai dengan suasana surah.

Pemilihan Bingkai Pemandangan Yang Sesuai

Al-Qur'an mempunyai caranya yang tersendiri dalam memilih frem-frem atau bingkai-bingkai yang sesuai bagi gambar-gambar pemandangan yang ditayangkan dalam surah-surah seperti pemandangan-pemandangan tadi. Di dalam Surah adh-Dhuha, ia memilih frem waktu pagi dan malam yang sepi untuk pemandangan keperihatinan, kasih mesra dan perlindungan. Di dalam Surah al-Aadiyat ia memilih frem kuda-kuda perang yang berlari pantas, mendengus dan mengepulkan debu-debu untuk pemandangan pembongkaran kubur-kubur dan pendedahan rahsia-rahsia di dalam dada dan lain-lain lagi yang memang banyak.[1]

Setiap bahagian dari sepuluh bahagian surah ini selepas bahagian pertama ini menggambarkan satu penjelajahan di sebuah alam yang membawa manusia keberbagai-bagai ruang dan bidang renungan-renungan, perasaan-perasaan dan lintasan-lintasan fikiran, emosi-emosi dan reaksi-reaksi, iaitu bidang yang jauh lebih luas dari ruang ungkapan dan kata-kata itu. Ia merupakan seolah-olah bilah anak-anak panah yang menunjukkan kepada berbagai-bagai alam.

Penjelajahan Yang Pertama

Penjelajahan yang pertama ialah di sekitar pemandangan Hari Pengadilan iaitu pemandangan revolusi-revolusi alam yang besar yang berlaku di langit dan di bumi iaitu masa para rasul menutupkan kira-kiranya dengan manusia:

فَإِذَا ٱلنُّجُومُ طُمِسَتْ ﴿٨﴾ وَإِذَا ٱلسَّمَآءُ فُرِجَتْ ﴿٩﴾

وَإِذَا ٱلْجِبَالُ نُسِفَتْ ﴿١٠﴾ وَإِذَا ٱلرُّسُلُ أُقِّتَتْ ﴿١١﴾

"Apabila bintang-bintang telah dihapuskan(8). Dan apabila langit telah dipecahkan(9). Dan apabila gunung-ganang telah dihancurleburkan(10). Dan apabila para rasul telah ditentukan waktu (kehadirannya)."(11)

لِأَيِّ يَوْمٍ أُجِّلَتْ ﴿١٢﴾ لِيَوْمِ ٱلْفَصْلِ ﴿١٣﴾

وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا يَوْمُ ٱلْفَصْلِ ﴿١٤﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٥﴾

Untuk hari apakah rasul-rasul itu ditangguhkan?(12). Untuk Hari Pengadilan(13). Tahukah engkau apakah Hari Pengadilan itu?(14) Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(15)

Penjelajahan Yang Kedua

Penjelajahan yang kedua di sekitar kebinasaan umat-umat purbakala dan bagaimana undang-undang Allah bertindak terhadap manusia-manusia pendusta:

أَلَمْ نُهْلِكِ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٦﴾ ثُمَّ نُتْبِعُهُمُ ٱلْءَاخِرِينَ ﴿١٧﴾

كَذَٰلِكَ نَفْعَلُ بِٱلْمُجْرِمِينَ ﴿١٨﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٩﴾

"Bukankah Kami telah membinasakan umat-umat purbakala?(16). Kemudian Kami iringkan mereka dengan umat-umat yang kemudian(17). Demikianlah Kami bertindak terhadap orang-orang yang berdosa(18). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(19)

Penjelajahan Yang Ketiga

Penjelajahan yang ketiga ialah di sekitar asal-usul kejadian manusia dan bagaimana Allah mengaturkan perencanaan dan pentadbiran-Nya:

أَلَمْ نَخْلُقكُّم مِّن مَّآءٍ مَّهِينٍ ﴿٢٠﴾

فَجَعَلْنَٰهُ فِى قَرَارٍ مَّكِينٍ ﴿٢١﴾ إِلَىٰ قَدَرٍ مَّعْلُومٍ ﴿٢٢﴾

فَقَدَرْنَا فَنِعْمَ ٱلْقَٰدِرُونَ ﴿٢٣﴾

---

[1] *Lihat bab* التناسق الفني *dalam buku* التصوير الفني في القرآن .

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ﴿٢٤﴾

"Bukankah Kami ciptakan kamu dari air mani yang hina?(20). Kemudian Kami letakkannya di tempat yang kukuh (rahim)(21). Hingga sampai kepada waktu yang tertentu(22). Lalu Kami tentukan perencanaan ke atasnya dan Kamilah Sebaik-baik Perencana(23). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(24)

Penjelajahan Yang Keempat

Penjelajahan yang keempat ialah di alam bumi yang mengumpulkan anak-anaknya, sama ada yang hidup atau yang mati, dan menyediakan untuk mereka kehidupan yang tetap dan air yang menghidupkan segala-galanya:

أَلَمۡ نَجۡعَلِ ٱلۡأَرۡضَ كِفَاتًا ﴿٢٥﴾ أَحۡيَآءٗ وَأَمۡوَٰتٗا ﴿٢٦﴾

وَجَعَلۡنَا فِيهَا رَوَٰسِيَ شَٰمِخَٰتٖ وَأَسۡقَيۡنَٰكُم مَّآءٗ فُرَاتٗا ﴿٢٧﴾

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ﴿٢٨﴾

"Bukankah Kami jadikan bumi sebagai wadah yang mengumpulkan?(25). Orang-orang yang hidup dan orang-orang yang mati(26). Dan Kami jadikan padanya gunung-ganang yang tinggi dan Kami berikan kamu minuman air yang tawar?(27). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(28)

Penjelajahan Yang Kelima

Penjelajahan yang kelima ialah di sekitar golongan manusia pendusta dan 'azab keseksaan dan celaan yang akan diterima mereka pada Hari Pengadilan:

ٱنطَلِقُوٓاْ إِلَىٰ مَا كُنتُم بِهِۦ تُكَذِّبُونَ ﴿٢٩﴾

ٱنطَلِقُوٓاْ إِلَىٰ ظِلّٖ ذِي ثَلَٰثِ شُعَبٖ ﴿٣٠﴾

لَّا ظَلِيلٖ وَلَا يُغۡنِي مِنَ ٱللَّهَبِ ﴿٣١﴾

إِنَّهَا تَرۡمِي بِشَرَرٖ كَٱلۡقَصۡرِ ﴿٣٢﴾

كَأَنَّهُۥ جِمَٰلَتٞ صُفۡرٞ ﴿٣٣﴾ وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ﴿٣٤﴾

"Pergilah kamu menerima 'azab yang dahulunya telah didustakan kamu(29). Pergilah kamu berteduh di bawah bayangan asap Neraka yang bercabang tiga(30). Yang tidak meneduhkan mereka dan tidak pula menahankan mereka dari julangan api Neraka (31). Sesungguhnya Neraka itu melontarkan bunga-bunga api sebesar istana(32). Ia kelihatan seolah-olah unta-unta kuning tua(33). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(34)

Penjelajahan Yang Keenam Dan Ketujuh

Penjelajahan yang keenam dan yang ketujuh ialah di sekitar kedudukan para pendusta serta kecaman dan penghinaan tambahan terhadap mereka:

هَٰذَا يَوۡمُ لَا يَنطِقُونَ ﴿٣٥﴾

وَلَا يُؤۡذَنُ لَهُمۡ فَيَعۡتَذِرُونَ ﴿٣٦﴾

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ﴿٣٧﴾

هَٰذَا يَوۡمُ ٱلۡفَصۡلِۖ جَمَعۡنَٰكُمۡ وَٱلۡأَوَّلِينَ ﴿٣٨﴾

فَإِن كَانَ لَكُمۡ كَيۡدٞ فَكِيدُونِ ﴿٣٩﴾

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ﴿٤٠﴾

"Inilah hari mereka tidak dapat bercakap(35). Dan mereka tidak diizinkan bercakap dan tidak dapat memohon maaf(36). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta(37). Inilah Hari Pengadilan, Kami himpunkan kamu sekalian bersama-sama umat-umat manusia yang dahulu kala(38). Jika kamu mempunyai tipu helah, maka lakukanlah tipu helah itu terhadap-Ku(39). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(40)

Penjelajahan Yang Kelapan

Penjelajahan yang kelapan di sekitar orang-orang yang bertaqwa dan balasan-balasan ni'mat yang disediakan untuk mereka:

إِنَّ ٱلۡمُتَّقِينَ فِي ظِلَٰلٖ وَعُيُونٖ ﴿٤١﴾

وَفَوَٰكِهَ مِمَّا يَشۡتَهُونَ ﴿٤٢﴾

كُلُواْ وَٱشۡرَبُواْ هَنِيٓـَٔۢا بِمَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ﴿٤٣﴾

إِنَّا كَذَٰلِكَ نَجۡزِي ٱلۡمُحۡسِنِينَ ﴿٤٤﴾

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ﴿٤٥﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa itu bersenang-lenang di bawah bayangan pokok yang teduh (berhampiran) matair-matair(41). Dan meni'mati berbagai-bagai buah-buahan yang diidami mereka(42). Makan dan minumlah seenak-enaknya kerana amalan-amalan yang telah kamu lakukan(43). Sesungguhnya begitulah Kami memberi balasan kepada para Muhsinin(44). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(45)

Penjelajahan Yang Kesembilan

Penjelajahan yang kesembilan ialah laluan sekilas di sekitar golongan manusia pendusta yang menerima kecaman:

كُلُواْ وَتَمَتَّعُواْ قَلِيلًا إِنَّكُم مُّجۡرِمُونَ ﴿٤٦﴾

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ﴿٤٧﴾

"(Wahai orang-orang kafir!) Makanlah dan ni'matilah kesenangan dunia yang sebentar, sesungguhnya kamu

adalah orang-orang yang berdosa(46). Celakalah pada hari ini kepada para pendusta."(47)

Penjelajahan Yang Kesepuluh

Penjelajahan yang kesepuluh ialah laluan sekilas di sekitar golongan manusia pendusta yang terus mendusta:

"Dan jika mereka disuruh ruku', mereka tidak ruku'(48). Celakalah pada hari ini kepada para pendusta."(49)

Kata Penamat

Kata penamat selepas penjelajahan-penjelajahan, tayangan-tayangan, kecaman-kecaman dan pernyataan-pernyataan itu ialah:

"Dengan penjelasan yang mana lagi selepas penjelasan Al-Qur'an mereka hendak beriman?"(50)

Demikianlah hati kita menjelajah bersama rangkaian ayat-ayat pantas surah ini. Ia menjelajah begitu cepat hingga nafasnya termengah-mengah penat mengikuti pernyataan-pernyataannya, tayangan gambar-gambar dan pemandangan-pemandangannya. Persoalan-persoalan yang dibicarakan di dalam surah ini ialah persoalan-persoalan yang berulang-ulang kali dibicarakan di dalam surah-surah Al-Qur'an terutama surah-surah yang diturunkan di Makkah, tetapi persoalan-persoalan itu dikemukakan dari berbagai-bagai sudut dan disorotkan dengan berbagai-bagai cahaya dan dihidangkan dengan berbagai-bagai kecapan dan rasa sesuai dengan keadaan-keadaan jiwa manusia yang menghadapinya, dan sesuai dengan suasana dalaman hati dan jiwa manusia yang diketahui oleh Allah yang menurunkan Al-Qur'an kepada Rasul-Nya dan menyebabkan segala persoalan yang dibicarakannya itu kelihatan baru kerana ia menimbulkan reaksi-reaksi yang baru di dalam jiwa.

Dalam surah ini terdapat gambaran baru di dalam pemandangan-pemandangan Neraka Jahannam dan gambaran baru dalam menghadapi golongan manusia pendusta dengan pemandangan-pemandangan ini. Begitu juga terdapat pembaharuan-pembaharuan dengan gaya pembentangan dan pengucapan yang memberi ciri-ciri keperibadian yang khusus kepada surah ini iaitu ciri-ciri tajam, pedas dan nada-nada yang mengah.

Sekarang marilah kita huraikan surah ini dengan terperinci:

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 7)

وَٱلْمُرْسَلَٰتِ عُرْفًا ﴿١﴾ فَٱلْعَٰصِفَٰتِ عَصْفًا ﴿٢﴾

"Demi yang diutus berturut-turut(1). Dan demi yang terbang sekencang-kencangnya(2). Dan demi yang menyebarkan angin seluas-luasnya(3). Dan demi yang mengagihkan segala sesuatu dengan sempurna."(4)

"Dan demi yang mencampakkan peringatan (wahyu kepada para rasul)(5). Untuk menolak dalihan manusia atau untuk memberi amaran kepada mereka(6). Sesungguhnya segala yang dijanjikan kepada kamu pasti akan berlaku."(7)

Yang menjadi persoalan di sini ialah persoalan Qiamat yang sukar bagi kaum Musyrikin untuk mempercayainya. Justeru itulah Al-Qur'anul-Karim menegaskan persoalan ini dengan berbagai-bagai cara penegasan di berbagai-bagai tempat di dalam Al-Qur'an. Ia memberi perhatian yang begitu berat untuk menjelaskan hakikat persoalan ini di dalam akal fikiran dan hati mereka, kerana penjelasan seumpama itu merupakan suatu keperluan untuk menegakkan 'aqidah Islam di dalam jiwa mereka, juga untuk membetulkan neraca pertimbangan nilai dalam seluruh kehidupan mereka. Kepercayaan kepada Hari Akhirat merupakan batu asas di dalam 'aqidah yang diturunkan Allah di samping merupakan batu asas dalam memahami hidup insaniyah. Ia merupakan asas yang dirujukkan kepadanya segala persoalan hidup dan asas untuk membetulkan neraca pertimbangan nilai-nilai di dalam segala urusan kehidupan mereka. Kerana itulah ia memerlukan usaha-usaha yang gigih dan memakan waktu yang lama untuk menjelaskannya kepada akal dan hati manusia.

Maksud Dari Ungkapan-ungkapan Sumpah

Allah S.W.T. telah bersumpah di bahagian pertama surah ini bahawa janji alam Akhirat itu pasti berlaku. Ungkapan-ungkapan sumpah itu menunjukkan bahawa makhluk-makhluk yang dijadikan bahan sumpahan-Nya itu adalah dari makhluk-makhluk alam ghaib yang mempunyai, kekuatan-kekuatan yang tersembunyi dari memberi kesan kepada alam dan kehidupan manusia. Ulama'-Ulama' Salaf telah berselisih pendapat, mengenai pengertian makhluk-makhluk itu. Kata setengah mereka bahawa makhluk-makhluk itu semuanya ialah angin-angin. Setengah pula berpendapat makhluk-makhluk itu semuanya ialah malaikat-malaikat. Ada pula yang mengatakan bahawa setengah dari makhluk-makhluk itu dimaksudkan angin-angin dan setengah lagi dimaksudkan malaikat-malaikat. Ini menunjukkan bahawa pengertian kata-kata ungkapan sumpah itu tidak jelas dan rahsia. Ketidakjelasan dan kerahsiaan makhluk-makhluk ini amatlah sesuai dijadikan bahan sumpah untuk menjelaskan hakikat Qiamat yang ghaib dan tersembunyi di dalam ilmu Allah. Qiamat itu pasti akan berlaku sebagaimana makhluk-makhluk

ghaib itu benar-benar ada dan mempengaruhi kehidupan manusia,

"Demi yang diutuskan berturut-turut." Dari Abu Hurayrah: Yang dimaksudkan dengan ayat ini ialah malaikat-malaikat. Maksud yang serupa juga telah diriwayatkan dari Masruq, Abu adh-Dhuha dan Mujahid dalam salah satu riwayat, juga as-Suddi, ar-Rabi' ibn Anas dan Abu Soleh dalam satu riwayat (berdasarkan riwayat-riwayat ini, maka maksud dari ayat-ayat ini ialah bersumpah dengan malaikat-malaikat yang diutus berturut-turut laksana jajaran bulu tengkuk kuda yang berjuntai.) Demikianlah pendapat Abu Soleh bahawa **المقيات الفارقات الناشرات العاصفات** ialah malaikat-malaikat.

Menurut riwayat dari Ibn Mas'ud katanya: **المرسلات** itu angin-angin. (Maksudnya angin-angin itu dilepaskan berturut-turut seperti jajaran bulu tengkuk kuda yang berjuntai), Begitu juga pendapat beliau mengenai maksud dari kata-kata **العاصفات** dan **الناشرات**. Pendapat ini sama sahaja dengan pendapat Ibn 'Abbas, Mujahid, Qatadah dan Abu Soleh mengikut satu riwayat.

Sementara Ibn Jarir pula tidak memberi apa-apa pendapat tentang maksud **المرسلات** sama ada maksudnya malaikat atau angin, tetapi beliau telah menegaskan bahawa maksud **العاصفات** ialah angin-angin dan **الناشرات** ialah angin-angin yang menyebar awan di merata penjuru langit.

Menurut Ibn Mas'ud pula maksud **الفارقات** dan **الملقيات** ialah malaikat-malaikat. Pendapat ini sama dengan pendapat Ibn 'Abbas, Masruq, Mujahid, Qatadah, al-Rabi' ibn Anas, al-Suddi dan ath-Thauri tanpa khilaf. Maksud ayat ini ialah malaikat-malaikat itu turun membawa perintah-perintah Allah kepada para rasul iaitu perintah-perintah yang membezakan di antara yang hak dan yang batil dan mencampakkannya kepada para rasul dalam bentuk wahyu untuk menolak dalihan manusia dan memberi amaran kepada mereka.

Di sini kita dapat perhatikan dengan jelas bahawa perkara-perkara yang dipersumpahkan itu telah dibesar-besarkan dengan sifat-sifatnya yang majhul sama seperti pada ayat-ayat **الذاريات** dan **النازعات**. Perselisihan pendapat para Ulama' mengenai hakikatnya merupakan bukti kerahsiaannya, dan kerahsiaan ini merupakan unsur pokok perkara-perkara itu di tempat ini. Yang jelas ia hanya memberi saranan dan sindiran secara umum sahaja, tetapi perkara-perkara itu sendiri menggoncangkan perasaan kita kerana saranan-saranan dari bunyi dan nadanya yang bertalu-talu, juga dari bayangan secara langsung yang dicampakkannya. Perasaan terharu yang ditimbulkannya di dalam hati itu merupakan satu perkara yang amat sesuai dengan maudhu' dan tujuan surah ini. Setiap bahagian surah itu menggoncangkan perasaan seolah-olah seperti orang yang memegang leher seseorang dan menggoncangkannya dengan kuat ketika membuat soal selidik mengenai sesuatu dosa atau mengenai sesuatu bukti yang terang yang diingkarkan olehnya, kemudian ia melepaskannya dengan memberi ancaman:

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ٤٩

"Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(49)

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 15)

Setelah itu tiba pula goncangan yang kuat dari pemandangan-pemandangan kekacauan dan kemusnahan alam pada Hari Pengadilan, iaitu hari yang telah ditentukan kepada para rasul untuk membentangkan hasil da'wah mereka kepada seluruh umat manusia:

فَإِذَا ٱلنُّجُومُ طُمِسَتۡ ٨ وَإِذَا ٱلسَّمَآءُ فُرِجَتۡ ٩

وَإِذَا ٱلۡجِبَالُ نُسِفَتۡ ١٠ وَإِذَا ٱلرُّسُلُ أُقِّتَتۡ ١١

"Apabila bintang-bintang telah dihapuskan(8). Dan apabila langit telah dipecahkan(9). Dan apabila gunung-ganang telah dihancurleburkan(10). Dan apabila para rasul telah ditentukan waktu (kehadirannya)."(11)

لِأَيِّ يَوۡمٍ أُجِّلَتۡ ١٢ لِيَوۡمِ ٱلۡفَصۡلِ ١٣

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا يَوۡمُ ٱلۡفَصۡلِ ١٤

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ١٥

Untuk hari apakah rasul-rasul itu ditangguhkan?(12). Untuk Hari Pengadilan(13). Tahukah engkau apakah Hari Pengadilan itu?(14). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(15)

Pada hari itu bintang dihapuskan dan hilanglah cahayanya, dan langit dipecahkan dan gunung-ganang dileburkan menjadi debu.

Pemandangan Kemusnahan Alam

Pemandangan-pemandangan kemusnahan alam ini telah ditayangkan di dalam berbagai-bagai surah Al-Qur'an dan semuanya menunjukkan bahawa peraturan-peraturan yang mengikat alam buana ini akan musnah pada hari ini, diikuti bunyi ledakan-ledakan, gempa-gempa dan letupan-letupan yang kuat dan dahsyat yang belum pernah dialami manusia, iaitu ledakan-ledakan yang tidak dapat dibandingkan dengan peristiwa-peristiwa gempa bumi, letupan-letupan gunung berapi dan petir dan sebagainya yang biasa dialami mereka, kerana ledakan dan letupan yang seumpama ini jika dibandingkan dengan ledakan-ledakan yang berlaku pada hari Qiamat itu samalah dengan mercun-mercun mainan kanak-kanak pada hari raya apabila dibandingkan dengan bom-bom atom dan hidrogen. Perbandingan ini hanya untuk memudahkan faham

sahaja, sedangkan kedahsyatannya yang sebenar yang akan berlaku akibat ledakan alam buana dan keguguran bintang-bintangnya adalah di luar tanggapan dan kefahaman manusia.

Di samping menjelaskan kemusnahan-kemusnahan alam, surah ini juga mengemukakan satu lagi perkara yang amat besar yang telah ditangguhkan Allah kepada Hari Qiamat ini, iaitu masa para rasul dipanggil untuk mengemukakan hasil pencapaian da'wah Allah yang diperjuangkan mereka di bumi di sepanjang generasi-generasi manusia. Para rasul itu telah ditentukan masa kehadiran mereka di sana pada hari ini untuk membentangkan penyata kira-kira akhir mengenai urusan yang agung ini yang melebihi langit, bumi dan gunung-ganang untuk tujuan membicarakan kes-kes yang tergantung dalam kehidupan dunia, dan memutuskannya dengan hukuman-hukuman Allah dan mengumumkan keputusan terakhir di mana berakhirnya generasi-generasi insan dan abad-abad zaman.

Ungkapan-ungkapan ayat-ayat ini membesar-besarkan urusan yang agung. Ini menyarankan hakikatnya yang amat besar hingga melampaui batas daya kefahaman manusia.

وَإِذَا ٱلرُّسُلُ أُقِّتَتْ ﴿١١﴾ لِأَيِّ يَوْمٍ أُجِّلَتْ ﴿١٢﴾
لِيَوْمِ ٱلْفَصْلِ ﴿١٣﴾ وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا يَوْمُ ٱلْفَصْلِ ﴿١٤﴾

"Dan apabila para rasul telah ditentukan waktu (kehadirannya)(11). Untuk hari apakah rasul-rasul itu ditangguhkan?(12). Untuk Hari Pengadilan(13). Tahukah engkau apakah Hari Pengadilan itu?"(14)

Dari uslub pengungkapan ini nyatalah bahawa Al-Qur'an memperkatakan tentang satu urusan yang agung tetapi apabila kesan penjelasannya menjejak di hati dengan kehebatan dan kejutannya yang mengatasi kejutan bintang-bintang yang dipadamkan cahayanya, langit yang dipecahkan dan gunung-ganang yang dileburkan, lantas ia pun membuat kenyataan dan memberi amaran yang menakutkan:

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٥﴾

"Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(15)

Inilah amaran dari Allah Yang Maha Kuasa kepada manusia untuk menghadapi keadaan-keadaan ngeri Hari Qiamat yang membabitkan seluruh alam dan menghadapi suasana-suasana kebesaran dan keagungan yang menyelubungi majlis pengadilan yang disaksikan oleh para rasul di mana mereka mengemukakan penyata kira-kira da'wah mereka yang akhir tepat pada masa yang telah ditetapkan kepada mereka. Amaran yang dikeluarkan pada masa ini mempunyai rasa, kesan dan implikasinya yang menakutkan.

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 19)

Kebinasaan Umat-umat Yang Silam

Selesai menjelajah di sekitar kemusnahan alam yang mengerikan Al-Qur'an kembali pula menjelajah di sekitar kebinasaan umat-umat purba dan umat-umat kebelakangan:

"Bukankah Kami telah membinasakan umat-umat purbakala?(16). Kemudian Kami iringkan mereka dengan umat-umat yang kemudian(17). Demikianlah Kami bertindak terhadap orang-orang yang berdosa(18). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(19)

Demikianlah umat-umat purba yang ramai itu kelihatan gugur binasa dengan satu pukulan Ilahi, dan dengan satu pukulan yang lain gugur dan binasa pula-umat-umat yang datang selepas mereka. Mereka kelihatan gugur bergelimpangan sejauh mata memandang, dan di hadapan mereka kedengaran suara amaran yang mengingatkan tindakan undang-undang Allah di alam ini:

كَذَٰلِكَ نَفْعَلُ بِٱلْمُجْرِمِينَ ﴿١٨﴾

"Demikianlah Kami bertindak terhadap orang-orang yang berdosa."(18)

Itulah undang-undang Allah yang tidak dapat dihindari. Dan ketika manusia yang berdosa itu menduga akan menerima balasan kebinasaan seperti yang diterima oleh umat-umat purbakala dan umat-umat yang datang selepas mereka, tiba-tiba datang seruan yang mendo'akan kebinasaan, dan tiba janji 'azab yang mengancam dengan kemusnahan:

"Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(19)

(Pentafsiran ayat-ayat 20 - 24)

Asal-usul Kejadian Manusia

Dari penjelajahan melihat kebinasaan dan kehancuran (umat-umat yang silam) Al-Qur'an berpindah pula kepada penjelajahan meninjau cara Allah mencipta dan menghidup manusia mengikut perencanaan dan pentadbiran-Nya yang rapi, sama ada pada makhluk yang kecil atau pada makhluk yang besar:

أَلَمْ نَخْلُقكُّم مِّن مَّآءٍ مَّهِينٍ ﴿٢٠﴾
فَجَعَلْنَٰهُ فِى قَرَارٍ مَّكِينٍ ﴿٢١﴾ إِلَىٰ قَدَرٍ مَّعْلُومٍ ﴿٢٢﴾
فَقَدَرْنَا فَنِعْمَ ٱلْقَٰدِرُونَ ﴿٢٣﴾

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ٢٤

"Bukankah Kami ciptakan kamu dari air mani yang hina?(20). Kemudian Kami letakkannya di tempat yang kukuh (rahim)(21). Hingga sampai kepada waktu yang tertentu(22). Lalu Kami tentukan perencanaan ke atasnya dan Kamilah Sebaik-baik Perencana(23). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(24)

Ini adalah satu penjelajahan mengikuti perkembangan asal-usul kejadian janin yang aneh yang disaringkan dalam keterangan yang pendek. Setitis air mani yang hina diletakkan di dalam rahim yang kukuh untuk satu jangka waktu yang tertentu. Dengan perencanaan Allah, air mani itu melalui peringkat-peringkat perkembangannya yang halus. Di sini Al-Qur'an menegaskan bahawa segala-galanya itu adalah berlaku dengan hikmat kebijaksanaan Allah Yang Maha Tinggi yang mengendalikan segala sesuatu dengan perencanaan-Nya yang rapi dan indah.

فَقَدَرۡنَا فَنِعۡمَ ٱلۡقَٰدِرُونَ ٢٣

"Lalu Kami tentukan perencanaan ke atasnya dan Kamilah Sebaik-baik Perencana."(23)

Dan dengan perencanaan yang halus ini, di mana tiada suatu pun yang terlepas darinya, Allah mengumumkan janji 'azab-Nya:

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ٢٤

"Celakalah pada hati itu kepada para pendusta."(24)

(Pentafsiran ayat-ayat 25 - 28)

Bumi Merupakan Planet Yang amat Selesa Untuk Dihayati Manusia

Kemudian menjelajah pula ke bumi melihat perencanaan Allah terhadap kehidupan manusia dan bagaimana Dia mengadakan di bumi ciri-ciri tertentu yang memberi kemudahan dan keselesaan kepada kehidupan mereka:

أَلَمۡ نَجۡعَلِ ٱلۡأَرۡضَ كِفَاتًا ٢٥ أَحۡيَآءٗ وَأَمۡوَٰتٗا ٢٦

وَجَعَلۡنَا فِيهَا رَوَٰسِيَ شَٰمِخَٰتٖ وَأَسۡقَيۡنَٰكُم مَّآءٗ فُرَاتٗا ٢٧

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ٢٨

"Bukankah Kami jadikan bumi sebagai wadah yang mengumpulkan(25). Orang-orang yang hidup dan orang-orang yang mati(26). Dan Kami jadikan padanya gunung-ganang yang tinggi dan Kami berikan kamu minuman air yang tawar?(27). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(28)

Tidakkah Kami jadikan bumi ini tempat yang mengumpulkan semua penghuninya, sama ada yang hidup atau yang mati, dan di sana Kami ciptakan bukit-bukau dan gunung-ganang yang tinggi, dan di kemuncak-kemuncaknya yang tinggi itulah berkumpulnya awan mega, dan dari sanalah mengalir saluran-saluran air tawar yang nyaman. Tidakkah, semuanya itu berlaku dengan qudrat, perencanaan hikmat dan tadbir Allah yang bijaksana? Apakah selepas semua kemudahan ini mereka masih juga terus mendusta?

"Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(28)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 34)

Para Pendusta Diarah Menerima Balasan

Setelah ditayangkan pemandangan-pemandangan itu dan setelah hati manusia dipenuhi kesan-kesan pemandangan yang mencurah ke dalam perasaan-perasaannya, maka Al-Qur'an tiba-tiba berpindah kepada pemandangan Hisab dan Balasan dan di sana kita mendengar satu perintah yang menggerunkan menyuruh orang-orang yang berdosa dan pendusta supaya berjalan menuju kepada 'azab seksa yang pernah didustakan mereka. Perintah itu diselubungi kecaman yang pahit dan penyeksaan jiwa yang memeritkan:

ٱنطَلِقُوٓاْ إِلَىٰ مَا كُنتُم بِهِۦ تُكَذِّبُونَ ٢٩

ٱنطَلِقُوٓاْ إِلَىٰ ظِلّٖ ذِي ثَلَٰثِ شُعَبٖ ٣٠

لَّا ظَلِيلٖ وَلَا يُغۡنِي مِنَ ٱللَّهَبِ ٣١

"Pergilah kamu menerima 'azab yang dahulunya telah didustakan kamu(29). Pergilah kamu berteduh di bawah bayangan asap Neraka yang bercabang tiga(30). Yang tidak meneduhkan mereka dan tidak pula menahankan mereka dari julangan api Neraka."(31)

Mereka pun pergi dengan bebas selepas ditahan pada Hari Pengadilan yang panjang itu, tetapi ke mana? Pergi ke tempat yang lebih buruk dari 'azab ditahan, iaitu:

ٱنطَلِقُوٓاْ إِلَىٰ مَا كُنتُم بِهِۦ تُكَذِّبُونَ ٢٩

"Pergilah kamu menerima 'azab yang dahulunya telah didustakan."(29)

Dan 'azab itu sudah siap sedia di hadapan kamu sekarang:

ٱنطَلِقُوٓاْ إِلَىٰ ظِلّٖ ذِي ثَلَٰثِ شُعَبٖ ٣٠

لَّا ظَلِيلٖ وَلَا يُغۡنِي مِنَ ٱللَّهَبِ ٣١

"Pergilah kamu berteduh di bawah bayangan asap Neraka yang bercabang tiga(30). Yang tidak meneduhkan mereka dan tidak pula menahankan mereka dari ulangan api Neraka."(31)

Asap Neraka Bercabang Tiga

Iaitu bayangan asap api Neraka yang pucuknya menjulang-julang bercabang tiga. Ia adalah bayangan teduh yang mencekik pernafasan dan yang panas menyelar. Ia dinamakan bayangan teduh sebagai lanjutan dari penghinaan dan sendaan. Ia memberi angan-angan mendapat bayangan teduh, tetapi di sebaliknya mereka mendapat api Neraka Jahannam. Pergilah kamu dan kamu tentu tahu ke mana, kamu memang mengetahuinya. Oleh itu, tidak payah disebutkan namanya.

"Sesungguhnya Neraka itu melontarkan bunga-bunga api sebesar istana(32). Ia kelihatan seolah-olah unta-unta kuning tua."(33)

Bunga-bunga Api Neraka Sebesar Istana

Bunga-bunga api itu melambung berturut-turut dan setiap bunga api itu sebesar rumah batu (kebiasaan orang Arab menggunakan kata-kata "istana" kepada setiap rumah yang diperbuat dari batu, dan tidak semestinya bangunan itu sama besar dengan bangunan-bangunan istana yang kita kenali sekarang), dan apabila percikan bunga-bunga api itu melambung berturut-turut, ia kelihatan seolah-olah unta-unta kuning tua yang meragut rumput di sana sini. Andainya bunga-bunga api itu sebesar itu, bagaimana pula besarnya api Neraka itu sendiri yang memercikkan bunga itu?

Dalam sa'at hati diselubungi perasaan ngeri itu datang pula kutukan:

"Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(34)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 35 - 40)

Qiamat Hari Pengadilan Bukan Hari Meminta Maaf

Untuk menyempurnakan pemandangan setelah ditayangkan gambaran Neraka dengan ciri-ciri fizikal yang dahsyat, maka ayat-ayat yang berikut menayangkan pula pemandangan kedahsyatan kesengsaraan jiwa yang dipaksa yang diam membisu dan menahan perasaan:

"Inilah hari mereka tidak dapat bercakap(35). Dan mereka tidak diizinkan bercakap dan tidak dapat memohon maaf."(36)

Kedahsyatan pemandangan di sini terletak pada suasana diam membisu, menahan perasaan, ketakutan dan rasa rendah diri yang mengerikan, iaitu suasana bongkam yang tidak diselangi sebarang percakapan dan tidak pula dipecahkan oleh kata-kata memohon maaf kerana masa berbahas dan minta maaf telah pun luput dan berlalu:

"Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(37)

Di dalam pemandangan-pemandangan yang lain disebut kata-kata penyesalan dan dalihan-dalihan mereka dan kedua-duanya berlaku, kerana masa pengadilan itu berlalu panjang mengikut cerita Ibn 'Abbas r.a. tetapi di sini Al-Qur'an hanya menyebut suasana diam bongkam yang menakutkan kerana sesuai dengan situasi dan penjelasan ayat ini:

"Inilah Hari Pengadilan, Kami himpunkan kamu sekalian bersama-sama umat-umat manusia yang dahulu kala(38). Jika kamu mempunyai tipu helah, maka lakukanlah tipu helah itu terhadap-Ku(39). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(40)

Hari ini ialah Hari Pengadilan yang memberi keputusan bukannya hari minta maaf. Hari ini Kami kumpulkan sekalian kamu bersama-sama umat-umat manusia dahulu kala. Andainya kamu berkuasa membuat sesuatu, maka silalah buat. Hari ini tiada tipu helah dan tiada daya upaya. Hanya diam bongkam menerima kecaman yang amat pedih.

"Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(40)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 41- 45)

Para Muttaqin Dipersilakan Menerima Ni'mat

Setelah berakhirnya pemandangan orang-orang yang berdosa itu dikecam, Al-Qur'an mengumumkan pula penghormatan kepada orang-orang yang bertaqwa:

"Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa itu bersenang-lenang di bawah bayangan pokok yang teduh (berhampiran) matair-matair(41). Dan meni'mati berbagai-bagai buah-buahan yang diidami mereka."(42)

Orang-orang yang bertaqwa bersenang-lenang di bawah bayangan teduh, iaitu bayangan teduh yang sebenar bukannya bayangan asap api Neraka yang bercabang tiga, yang tidak meneduh dan tidak pula menahan mereka dari julangan api Neraka. Mereka

bersenang di tepi-tepi matair, bukannya di dalam asap Neraka yang melemaskan pernafasan dan menimbulkan kedahagaan yang dahsyat. Mereka meni'mati berbagai-bagai buah-buahan yang diidami mereka. Dan di samping itu mereka menerima pelawaan dari Allah yang didengar oleh seluruh perhimpunan manusia:

كُلُوا وَاشْرَبُوا هَنِيئًا بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾

إِنَّا كَذَٰلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿٤٤﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٥﴾

"Makan dan minumlah seenak-enaknya kerana amalan-amalan yang telah kamu lakukan(43). Sesungguhnya begitulah Kami memberi balasan kepada para Muhsinin (44). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(45)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 46 - 47)

Keni'matan Dunia Yang Sebentar

Di sini ditayangkan sepintas lalu pemandangan kehidupan dunia yang telah digolongkan riwayatnya dalam ayat-ayat tadi. Kini kita sekali lagi berada di dunia, ketika itu orang-orang kafir yang berdosa menerima kecaman dan penghinaan:

"(Wahai orang-orang kafir!) Makanlah dan ni'matilah kesenangan dunia yang sebentar, sesungguhnya kamu adalah orang-orang yang berdosa(46). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(47)

Demikianlah kehidupan dunia bercampur dengan kehidupan Akhirat di dalam dua ayat yang berturut ini dan di dalam dua pemandangan yang seolah-olah kedua-duanya wujud dalam satu masa, walaupun kedua-duanya dipisahkan oleh zaman-zaman yang amat jauh. Ketika pelawaan Allah disampaikan kepada orang-orang yang bertaqwa di Akhirat, maka satu pelawaan yang sama dihadapkan kepada orang-orang kafir yang berdosa di dunia, seolah-olah Allah berfirman kepada mereka: Lihatlah perbezaan di antara dua kehidupan ini... makanlah dan ni'matilah kesenangan dunia yang sebentar ini supaya kamu diharamkan dari keni'matan abadi dan di'azab sepanjang zaman di negeri Akhirat!

"Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(47)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 48 - 50)

Hati Orang-orang Kafir Tidak Menerima Penjelasan

Kemudian ayat yang berikut mengisahkan keadaan-keadaan orang-orang kafir yang berdosa itu dan melahirkan takjubnya terhadap sikap mereka, iaitu apabila mereka diseru mengikuti hidayat Allah, mereka tidak menyahutinya:

"Dan jika mereka disuruh ruku', mereka tidak ruku'(48). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(49)

Sedangkan mereka diberi penjelasan yang sejelas-jelasnya dan diberi amaran yang setegas-tegasnya:

فَبِأَيِّ حَدِيثٍ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٠﴾

"Dengan penjelasan yang mana lagi sesudah penjelasan Al-Qur'an mereka hendak beriman?"(50)

Orang-orang yang tidak beriman kepada penjelasan Al-Qur'an yang menggegarkan bukit-bukau dan gunung-ganang itu tidak akan beriman buat selama-lamanya dengan mana-mana penjelasan yang lain darinya. Tiada lain melainkan hanya kecelakaan, kesialan dan kesudahan yang malang yang disediakan kepada golongan manusia yang celaka ini.

* * * * * *

Surah ini sendiri dengan susunan-susunan ungkapannya, nada-nadanya yang menarik, pemandangan-pemandangannya yang dahsyat dan kecaman-kecamannya yang tajam merupakan serangan yang tidak sanggup dihadapi oleh hati siapa sahaja.

Maha Sucilah Allah yang telah menurunkan Al-Qur'an dan meletakkan padanya pengaruh yang amat kuat ini.

(Tamat Juzu' Yang Kedua Puluh Sembilan)